A

Bina Darulaman Bhd lwn Zainuddin bin Zainul dan satu lagi

B

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN NO PA-25–37–08 TAHUN 2020
ABD MAJID PK
15 FEBRUARI 2022

C

Prosedur Sivil — Semakan kehakiman — Certiorari — Responden pertama ditamatkan perkhidmatan oleh pemohon — Mahkamah Perusahaan memutuskan bahawa penamatan perkhidmatan adalah tanpa sebab atau alasan yang adil atau munasabah — Pemohon memfailkan semakan kehakiman — Sama ada pertuduhan-pertuduhan salah laku dibuktikan — Sama ada terdapat apa-apa kecacatan dalam dapatan Mahkamah Perusahaan

D

Undang-undang pekerja — Pekerjaan — Penamatan — Responden pertama ditamatkan perkhidmatan oleh pemohon — Mahkamah Perusahaan memutuskan bahawa penamatan perkhidmatan adalah tanpa sebab atau alasan yang adil atau munasabah — Pemohon memfailkan semakan kehakiman — Sama ada pertuduhan-pertuduhan salah laku dibuktikan — Sama ada terdapat apa-apa kecacatan dalam dapatan Mahkamah Perusahaan

E

F

Responden pertama ('R1') telah ditamatkan perkhidmatan sebagai pengurus besar pemohon atas dakwaan bahawa R1 telah gagal dan/atau cuai dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai pengurus besar syarikat pemohon apabila: (a) melantik secara terus kontraktor JITU Décor sebagai pereka dalaman ('pertuduhan pertama'); (b) melantik secara terus kontraktor Grand Interior Design Renovation sebagai pereka dalaman ('pertuduhan kedua'); (c) meluluskan untuk melantik syarikat ATM Hartanah untuk perojek usaha sama ('pertuduhan ketiga'); (d) gagal menguruskan dan mengawal pengambilan wang contingency oleh kakitangan ('pertuduhan keempat'); (e) gagal menguruskan badan pengurusan bersama (JMB) bagi Condo 900 di mana terdapat tambahan perbelanjaan bulanan kerja-kerja pembersihan sedangkan pemohon telah melantik Sejuta Impian Enterprise untuk urusan pembersihan kondominium tersebut ('pertuduhan kelima'); (f) meluluskan perbelanjaan yang tidak berkaitan dan kelulusan yang tidak diberikan untuk perbelanjaan bagi pengiklanan dan promosi ('pertuduhan keenam'); dan (g) gagal memantau jabatan kewangan mengenai pungutan hutang atau bayaran daripada pelanggan ('pertuduhan ketujuh'). Responden pertama kemudiannya telah merujuk perkara tersebut ke Mahkamah Perusahaan ('R2') yang memutuskan bahawa penamatan perkhidmatan R1 oleh pemohon adalah tanpa sebab atau alasan yang adil atau munasabah. Mahkamah Perusahaan seterusnya memerintahkan pemohon untuk membayar kepada R1 upah

G

H

I

tangguhan sebanyak RM189,360 dan pampasan sebagai galang ganti pengembalian semula ke jawatan sebanyak RM295,875. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pemohon memfailkan semakan kehakiman bagi mendapatkan satu perintah certiorari untuk membatalkan keputusan R2 atau alternatifnya mengesahkan keputusan pemohon dalam menamatkan perkhidmatan R1.

Diputuskan, menolak permohonan semakan kehakiman dengan kos:

(1) R2 telah mempertimbangkan setiap tuduhan yang dihadapi oleh R1 dan membuat dapatan bahawa setiap tindakan yang diambil oleh R1 bagi pertuduhan pertama hingga ketiga, keenam dan ketujuh mendapat kebenaran daripada pengarah urusan kumpulan syarikat pemohon ('CLW2'). Mahkamah bersetuju dengan R2 bahawa R1 tidak boleh dikatakan membuat salah laku bagi pertuduhan pertama hingga ketiga, keenam dan ketujuh. CLW2 sendiri telah mengesahkan keterangan R1. R2 mempunyai kelebihan melihat dan mendengar keterangan saksi-saksi dan membuat dapatan berdasarkan keterangan mereka dan menerima keterangan mereka (lihat perenggan 7 & 9).

(2) Bagi pertuduhan keempat, mahkamah bersetuju dengan keterangan R1 bahawa penggunaan wang tersebut tidak menjadi kesalahan kerana wang tersebut digunakan untuk perbelanjaan makanan dan minuman bagi kakitangan yang bekerja sepanjang hari semasa promosi jualan dilakukan. Di samping itu, penjelasan R1 berkenaan ketiadaan resit-resit pembelian atau perbelanjaan bahawa jabatan kewangan akan memotong gaji kakitangan yang menggunakan wang tersebut tanpa mengemukakan resit adalah munasabah (lihat perenggan 10).

(3) Bagi pertuduhan kelima, mahkamah mendapati bahawa tiada kecacatan dalam dapatan oleh R2 bahawa tiada salah laku oleh R1 kerana kontrak yang dimasuki adalah sah dan bayaran bulanan tersebut adalah dipersetujui dan kerja-kerja pembersihan ini tidak termasuk dalam skop kontrak dengan Sejuta Impian Enterprise (lihat perenggan 11).

(4) Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah dapati bahawa tiada apa-apa kecacatan dalam dapatan yang dibuat oleh R2 (lihat perenggan 12).

[English summary

The first respondent ('R1') was terminated as general manager of the applicant on the allegation that R1 had failed and/or negligent in carrying out his duties and responsibilities as general manager of the applicant company when: (a) directly appointed JITU Décor contractor as interior designer ('the first charge'); (b) directly appointed the Grand Interior Design Renovation contractor as the interior designer ('the second charge'); (c) approving to appoint a company known as ATM Hartanah for a joint venture project ('the

A third charge'); (d) failed to manage and control the taking of contingency money by staff ('the fourth charge'); (e) failed to manage the joint management body (JMB) for Condo 900 where there was an additional monthly expenditure of cleaning work even though the applicant had appointed Sejuta Impian Enterprise for the cleaning of the condominium ('the fifth charge'); B (f) approving unrelated expenses and non-grant approvals for expenses for advertising and promotion ('the sixth charge'); and (g) failed to monitor the finance department on debt collection or payments from customers ('the seventh charge'). The first respondent then referred the matter to the Industrial Court ('R2') which ruled that the termination of R1's service by the applicant C was without just or reasonable cause or reason. The Industrial Court further ordered the applicant to pay to R1 backwages of RM189,360 and compensation in lieu of reinstatement of RM295,875. Dissatisfied with the decision, the applicant filed a judicial review to obtain a certiorari order to D quash the decision of R2 or alternatively affirming the applicant's decision in terminating R1's service.

Held, dismissing the application for judicial review with costs:

E (1) R2 had considered each of the charges faced by R1 and made the finding that each action taken by R1 for the first to third, sixth and seventh charges was approved by the managing director of the applicant group of companies ('CLW2'). The court agreed with R2 that R1 could not be said to have committed misconduct for the first to third, sixth and seventh F charges. CLW2 himself had affirmed the evidence of R1. R2 had the advantage of seeing and hearing the testimony of witnesses and making findings based on their testimony and accepting their testimony (see paras 7 & 9).

G (2) For the fourth charge, the court agreed with R1's evidence that the use of the money was not a misconduct as the money was used for food and beverage expenses for staff who worked all day during the sales promotion. In addition, R1's explanation regarding the absence of purchase or expense receipts that the finance department would deduct the salaries of staff who used the money without submitting a receipt was H reasonable (see para 10).

(3) For the fifth charge, the court found that there was no error in the finding by R2 that there was no misconduct by R1 because the contract entered was valid and the monthly payment was agreed, and this cleaning work I was not included in the scope of the contract with Sejuta Impian Enterprise (see para 11).

(4) Based on the above grounds, the court found that there was no error in the findings made by R2 (see para 12).]

Kes-kes yang dirujuk

R Rama Chandran v The Industrial Court of Malaysia & Anor [1997] 1 MLJ 145, MP (dirujuk)

Ngeow Voon Yean v Sungei Wang Plaza Sdn Bhd/Landmarks Holding Bhd [2006] 5 MLJ 113; [2006]1 MLRA 870, MP (diikut)

Ranjit Kaur a/p S Gopal Singh v Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd [2010] 6 MLJ 1; [2010] 8 CLJ 629, MP (diikut)

Sunitha Ruthram (Sunitha Ruthram & Co) bagi pihak pemohon.

Jecsristirei Siose (Sarah Karmila bt Benedict bersamanya) (Jec Siose & Co) bagi pihak responden.

Abd Majid PK:

[1] Responden pertama ('R1') telah ditamatkan perkhidmatannya sebagai pengurus besar di dalam syarikat pemohon pada 15 Disember 2014. Berikutan itu R1 telah membawa aduannya ke Mahkamah Perusahaan ('R2'). Setelah perbicaraan R2 mendapati penamatan perkhidmatan R1 tanpa sebab atau alasan yang adil atau munasabah dan memerintahkan pemohon untuk membayar R1 upah tangguhan (*backwages*) sebanyak RM189,360 dan pampasan sebagai galang ganti pengembalian semula ke jawatan (*compensation in lieu of reinstatement*) sebanyak RM295,875 menjadikan jumlah remedi keseluruhan sebanyak RM485,235.

[2] Pemohon telah memfailkan semakan kehakiman mendapatkan satu perintah certiorari untuk membatalkan keputusan/award R2 atau alternatifnya mengesahkan keputusan pemohon menamatkan perkhidmatan R1.

[3] Pertuduhan-pertuduhan yang dikemukakan terhadap R1 ialah:

> Gagal dan/atau cuai dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Pengurus Besar, syarikat Darulaman Realty Sdn Bhd iaitu:-
>
> (a) Pihak Tuan telah melantik secara terus Kontraktor JITU Decor sebagai *Interior Designer* (ID) untuk rumah contoh bagi projek AIRIS 2.
>
> (i) Pihak Tuan telah meluluskan kontrak JITU Decor dengan membahagikan kerja–kerja *(splitting the Works)* untuk *circumvent* dengan (Delegated Authority Limit-DAL) semasa ketiadaan Pengarah Urusan Kumpulan.
> Pihak Tuan telah meluluskan kontrak sebanyak RM98,830.00 menerusi surat bertarikh 29 September 2013. Selanjutnya, pihak Tuan kemudiannya telah meluluskan kontrak sebanyak RM19,940.00 sebagai kerja-kerja tambahan di mana kerja tambahan tersebut adalah termasuk dalam sebut harga pertama berjumlah RM116,180.00 yang telah ditolak oleh pihak Syarikat.

(ii) Seterusnya, pihak Tuan telah membuat pembayaran pendahuluan sebanyak 30% kepada kontraktor JITU Decor di mana jumlah yang dibayar adalah bukannya berdasarkan harga kontrak yang diluluskan sebanyak RM98,830.00, sebaliknya jumlah bayaran pendahuluan tersebut dikira sebut harga pertama sebanyak RM116,180.00.

(b) Pihak Tuan telah dilantik secara terus Kontraktor Grand Interior Design Renovation sebagai *Interior Designer* (ID) untuk rumah contoh bagi unit lxora, Seroja 1D dan 2C di projek Taman Insaniah.

(i) Pelantikan tersebut dibuat tanpa pemilikan dan perbandingan sebut harga dan pihak Syarikat mendapati Kontraktor Grand Interior Design & Renovation dengan amaun yang diluluskan adalah sebanyak RM160,053,00. Dalam hal ini, jumlah kelulusan tersebut dibuat telah melampaui/melebihi had kuasa kelulusan (Delegated Authority Limit-DAL) yang ditetapkan oleh syarikat untuk Pengurus Besar.

(c) Pihak Tuan telah meluluskan untuk melantik syarikat ATM Hartanah untuk projek usaha sama dengan Syarikat dalam projek:

(i) Darulaman Perdana (Zirconia) sebanyak 17 unit;

(ii) Desa Bidara (Alamanda 2) sebanyak 55 unit; dan

(iii) Darulaman Perdana (Darulaman West) sebanyak 115 unit.

Dalam hal ini, pihak syarikat mendapati pelantikan syarikat ATM Hartanah Sdn Bhd ('ATM') dibuat tanpa mendapat sebarang kelulusan daripada Lembaga Pengarah BDB.

Pihak syarikat juga mendapati sebanyak 64 unit rumah di projek Desa Bidara (Alamanda 2) telah dijual oleh syarikat ATM Hartanah di mana ianya melebihi had unit rumah yang ditetapkan oleh pihak syarikat sebanyak 55 unit. Dalam hal ini, tiada sebarang dokumen perjanjian usaha sama yang ditandatangani untuk menjual unit tambahan tersebut. Pihak Tuan selanjutnya juga telah mengurangkan harga *stock value* sebanyak RM47,888.50 dalam projek Zirconia untuk mengekalkan margin keuntungan seperti yang diluluskan dalam belanjawan syarikat tanpa mendapat sebarang kelulusan daripada Syarikat.

(d) Pihak Tuan telah gagal menguruskan dan mengawal pengambilan wang *contingency* oleh kakitangan apabila:

(i) Tiada dokumen sokongan untuk menyokong penggunaan *Contingency Money* untuk *company trip* ke Perth Australia berjumlah RM10,000.00 dan Hari Keluarga Syarikat ke Singapura berjumlah RM6,000.00; dan

(ii) Wang yang diberikan untuk tujuan acara/promosi telah digunakan untuk tujuan yang tidak berkaitan seperti perbelanjaan bagi makanan, minuman dan makanan ringan.

(e) Pihak Tuan telah gagal menguruskan *Joint Management Body* ('JMB') untuk Condo 900 seperti berikut:

(i) Terdapat perbelanjaan tambahan untuk membersih lantai longkang, upah membersih lantai, upah buang sisa buangan di dalam sum dan upah membersih saluran sum tersumbat yang keseluruhannya berjumlah RM900.00 walaupun pihak Syarikat telah melantik Sejuta Impian Enterprise untuk mengendalikan urusan pembersihan di kondo dengan bayaran sebanyak RM3,800.00 sebulan. Kerja-kerja tambahan tersebut telah diberikan kepada kakitangan syarikat sendiri iaitu Mat Nayan Baharom melalui Syarikat Misa Abadi Enterprise dan kerja-kerja yang dilakukan tersebut telah disahkan oleh kakitangan yang sama iaitu Mat Nayan Baharom sendiri.

(f) Perbelanjaan yang tidak berkaitan dan kelulusan yang tidak diberikan untuk perbelanjaan bagi *Advertising and Promotion* apabila:

(i) Pihak Tuan telah memberikan kelulusan untuk perbelanjaan bagi *Advertising and Promotion,* akan tetapi perbelanjaan tersebut telah dibelanjakan dan lebih kepada *Donation/Contribution & Sponsorship* seperti di dalam *Table 9* dalam laporan audit. Dalam hal ini, kelulusan yang diberikan adalah tidak mengikut (Delegated Authority Limit-DAL) yang ditetapkan oleh Syarikat.

(ii) Pembayaran atas nama Pengurus Besar (PV No 820241) sebanyak RM10,000.00 untuk tujuan *entertainment (Business Associated)* telah dibuat di mana tiada sebarang dokumen sokongan diberikan.

(g) Pihak Tuan telah gagal memantau Jabatan Kewangan mengenai pungutan hutang/bayaran daripada pelanggan apabila:

(i) Pihak Syarikat telah memberi keistimewaan pembayaran secara kontra sebanyak RM14,182.49 kepada Syarikat Sarjana Jurutera Perunding yang merupakan perunding Mekanikal dan Elektrikal syarikat. Pihak syarikat juga tidak mengutip hutang tertunggak sehingga tarikh laporan audit dikeluarkan RM407,117.51 sedangkan tuntutan 100% projek siap sepenuhnya telah dihantar pada 11 September 2013.

Perbuatan tuan tersebut merupakan satu salah laku yang bertentangan dengan *terma dan syarat perkhidmatan Bina Darulaman Realty Berhad* iaitu klausa 3.3 *(major misconduct)* iaitu *neglect of responsibilities and failure to faithfully discharge proper service to BDB'S.*

[4] Surat tunjuk sebab dikemukakan kepada R1 dan kemudiannya diikuti dengan satu siasatan dalaman. Hasil daripada siasatan dalaman tersebut R1 didapati bersalah atas kesemua pertuduhan-pertuduhan di atas dan ditamatkan perkhidmatannya.

[5] Bagi menyokong permohonan ini pemohon mengemukakan

alasan-alasan yang secara ringkasnya bahawa R2:

(a) gagal membuat penilaian kritikal terhadap keterangan yang dikemukakan oleh pemohon bagi menunjukkan salah laku yang terjumlah kepada cuai dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya sebagai pengurus besar DRSB;

(b) telah mengambil kira perkara yang tidak diplidkan oleh R1 dalam membuat keputusannya;

(c) telah menerima keterangan palsu daripada saksi pihak R1;

(d) tidak mempertimbangkan kegagalan R1 memanggil saksi yang penting; dan

(e) gagal mempertimbangkan bahawa R1 terikat dengan *Delegated Authority Limit* dan *best practices* syarikat.

UNDANG-UNDANG

[6] Dalam kes *Ranjit Kaur a/p S Gopal Singh v Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd* [2010] 6 MLJ 1; [2010] 8 CLJ 629, Raus Sharif HMP (beliau ketika itu) telah menjelaskan peranan mahkamah dalam suatu permohonan semakan kehakiman dan ujian-ujian yang dipakai bagi menyemak dapatan fakta oleh Mahkamah Perusahaan seperti berikut:

> [15] ... Historically, judicial review was only concerned with the decision making process where the impugned decision is flawed on the ground of procedural impropriety. However, over the years, our courts have made inroad into this field of administrative law. *Rama Chandran* is the mother of all those cases. The Federal Court in a landmark decision has held that the decision of inferior tribunal may be reviewed on the grounds of 'illegality', 'irrationality' and possibly 'proportionality' which permits the courts to scrutinise the decision not only for process but also for substance. It allowed the courts to go into the merit of the matter. Thus, the distinction between review and appeal no longer holds.
>
> [16] The *Rama Chandran* decision has been regarded or interpreted as giving the reviewing court a license to review without restrain decisions for substance even when the said decision is based on finding of facts. However, post *Rama Chandran* cases have applied some brakes to the courts' liberal approach in *Rama Chandran.* The Federal Court in the case of *Kumpulan Perangsang Selangor Bhd v Zaid Bin Hj Mohd Noh* [1997] 1 MLJ 789; [1997] 2 CLJ 11 after affirming the *Rama Chandran* decision held that there may be cases in which for reason of public policy, national interest, public safety or national security the principle in *Rama Chandran* may be wholly inappropriate.
>
> [17] The Federal Court, in *Petroliam Nasional Bhd v Nik Ramli Nik Hassan* [2004] 2 MLJ 288; [2003] 4 CLJ 625, again held that the reviewing court may scrutinise a decision on its merits but only in the most appropriate of cases and not every case is amenable to the *Rama Chandran* approach. Further, it was held that a reviewing judge ought not to disturb findings of the Industrial Court unless they were

grounded on illegality or plain irrationality, even where the reviewing judge might not have come to the same conclusion.

[18] The Court of Appeal has in a number of cases held that where finding of facts by the Industrial Court are based on the credibility of witnesses, those findings should not be reviewed (see *William Jacks & Co (M) Sdn Bhd v S Balasingam* [2000] 7 MLJ 1; [1997] 3 CLJ 235, *National Union of Plantation Workers v Kumpulan Jerai Sdn Bhd, Rengam* [2000] 2 MLJ 144; [2000) 1 CLJ 681, *Quah Swee Khoon v Sime Darby Bhd* [2000] 2 MLJ 600; [2001] 1 CLJ 9, *Colgate Palmolive (M) Sdn Bhd v Yap Kok Foong & Another Appeal* [2001] 4 MLJ 97; [2001] 3 CLJ 9. However, there are exceptions to this restrictive principle where:

(a) reliance upon an erroneous factual conclusion may itself offend against the principle of legality and rationality, or

(b) there is no evidence to support the conclusion reached.

(See *Swedish Motor Assemblies Sdn Bhd v Haji Mohd Ison bin Baba* [1998] 2 MLJ 372; [1998] 3 CLJ 288).

[19] It is clear from the above authorities that the scope and ambit of *Rama Chandran* had been clearly explained and clarified. Decided cases cited above have also clearly established that where the facts do not support the conclusion arrived at by the Industrial Court, or where the findings of the Industrial Court had been arrived at by taking into consideration irrelevant matters, and had failed to consider relevant matters into consideration, such findings are always amendable to judicial review.

Berpandukan kes *Ranjit Kaur* peranan saya adalah di antara lainnya melihat sama ada dapatan fakta oleh Mahkamah Perusahaan ini adalah berdasarkan penemuan fakta yang betul atau disokong oleh keterangan di samping sama ada terdapat pemakaian undang-undang yang salah, ketidakpatuhan kepada prosedur ataupun keseimbangan award yang diputuskan *R Rama Chandran v The Industrial Court of Malaysia & Anor* [1997] 1 MLJ 145).

HUJAHAN DAN ANALISA

[7] R2 telah mempertimbangkan setiap tuduhan yang dihadapi oleh R1 dan membuat dapatan bahawa setiap tindakan yang diambil oleh R1 bagi pertuduhan pertama hingga ketiga, keenam dan ketujuh mendapat kebenaran ataupun kelulusan pengarah urusan kumpulan syarikat pemohon ketika itu iaitu CLW2 Dato' Jahubar Sathik bin Abd Razak. CLW2 memberi keterangan mengesahkan kebenaran atau kelulusan yang diberikan. Atas alasan tersebut R2 mendapati R1 tidak melakukan apa-apa salah laku. Bagi pertuduhan keenam saksi pemohon COW6 juga mengesahkan arahan CLW2 kepada R1. Bagi pertuduhan ketujuh CLW2 memberi keterangan bahawa R1 mempunyai kuasa untuk membuat bayaran kontra dan keterangan ini tidak dicabar oleh saksi-saksi pemohon.

[8] Dalam kes *Ngeow Voon Yean v Sungei Wang Plaza Sdn Bhd/Landmarks*

Holding Bhd [2006] 5 MLJ 113; [2006]1 MLRA 870 perayu merupakan pengurus besar syarikat responden telah menandatangani perjanjian jual beli hartanah bagi pihak responden. Hartanah tersebut dijual kepada sebuah syarikat yang mana syarikat tersebut telah memindahkan haknya kepada institusi kewangan. Perayu telah membuat pengesahan bahawa deposit 10% dan bayaran telah dibuat sepenuhnya oleh syarikat tersebut. Akibat pengesahan ini responden telah mengambil tindakan ke atas perayu kerana kecuaiannya kerana bayaran penuh tidak dilakukan oleh syarikat berkenaan. Perayu kemudiannya ditamatkan perkhidmatannya dan telah mengambil tindakan ke Mahkamah Perusahaan. Perayu mengakui kecuaiannya tetapi menyatakan bahawa pengesahan yang dibuatnya itu adalah atas arahan pengarah eksekutif responden. Mahkamah Perusahaan memutuskan penamatan khidmat perayu dilakukan tanpa sebab yang berpatutan dan tak munasabah. Mahkamah Tinggi mengenepikan keputusan Mahkamah Perusahaan dan Mahkamah Rayuan mengesahkan keputusan tersebut. Perayu membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan. Dalam membenarkan rayuan perayu, Mahkamah Persekutuan melalui Siti Norma Yaacob HMP (beliau ketika itu) menyatakan:

> [35] From the case law, it is clear that the duty of obedience is confined to compliance with the lawful and reasonable orders of an employer and as such the concept of an order being manifestly wrong has no part in the doctrine of superior orders. To that extent the Court of Appeal erred when it made an exception to the general rule on superior orders when stating that an employee is entitled to disobey the orders of his superior if he, the employee, is aware that such orders are manifestly wrong. However that exception holds good in military or criminal law as seen from the case of *Public Prosecutor v Tengku Mahmood Iskandar & Anor* [1973] 1 MLJ 128; [1973] 1 MLRH 82 where it was held that 'a soldier is not protected where the order is grossly illegal'.
>
> [34] The duty of an employee at common law is also similar in that he is to comply with all lawful and reasonable orders given by his employer with respect to the performance of such functions within the scope of his employment. That duty is one of the fundamental obligations which is deemed to be impliedly undertaken in every contract of hiring. The duty of obedience at common law is subject to two qualifications, firstly that the employer may not order his employee to do something illegal or secondly order his employee to do anything dangerous.
>
> [35] However it may well be that an employee is caught in the situation that he is required to obey an order and he is doubtful whether the order is legal or not. Under those circumstances the proper course is for the employee to obey the order first and to challenge its legality in separate proceedings. This distinction is made on the basis that if the law allows the employee to disobey any order he thinks is not legal, it would be impossible for the management to maintain discipline and industrial peace. On the other hand, if the employee takes it upon himself to disobey the order which he thinks to be unlawful and unreasonable two courses are open to him. He can point out his difficulties, if any, to the superior and if the latter insists on the order being carried out, he can do the work and take the matter further in

proceedings against his employer or to complain to his union. If he disobeys, he must take the risk if the court finds the order to be lawful and reasonable. See the case of *Pan Global Textiles Bhd, Pulau Pinang v Ang Beng Teik* [2002] 2 MLJ 27; [2001] 1 MLRA 657.

[9] Keadaan yang sama berlaku di dalam hal R1 yang mendapat kebenaran ataupun kelulusan pengarah urusan kumpulan syarikat pemohon ketika itu maka berpandukan kes *Ngeow Voon Yean* saya setuju dengan R2 bahawa R1 tidak boleh dikatakan salah laku bagi pertuduhan pertama hingga ketiga, keenam dan ketujuh. CLW2 sendiri mengesahkan keterangan R1. R2 mempunyai kelebihan melihat dan mendengar keterangan saksi-saksi dan membuat dapatan berdasarkan keterangan mereka dan menerima keterangan mereka. Contohnya CLW2 telah menerangkan kelulusan diberi kepada R1 ketika dia masih menjadi pengarah urusan kumpulan bagi kontrak yang ditandatangani dengan JITU Decor dan tiada keterangan menunjukkan kelulusan itu dibatalkan kemudiannya.

[10] Bagi saya yang perlu diteliti adalah sama ada berlakunya salah laku oleh R1 bagi pertuduhan keempat dan kelima. Bagi pertuduhan keempat menurut R1 wang tersebut adalah digunakan untuk perbelanjaan makanan dan minuman bagi kakitangan yang berkerja sepanjang hari semasa promosi jualan dilakukan. R1 menyatakan bahawa sebagai pengurus besar dia berpendapat penggunaan wang tersebut tidak menjadi kesalahan. Saya berpendapat keterangan R1 boleh diterima kerana wang tersebut digunakan ketika acara promosi oleh kakitangan syarikat sendiri dan bukannya disalahgunakan. Penjelasan R1 mengenai ketiadaan ataupun kehilangan resit-resit pembelian atau perbelanjaan, jabatan kewangan akan memotong gaji kakitangan yang menggunakan wang tersebut jika jabatan tersebut tidak puas hati dengan ketiadaan resit-resit tersebut. Bagi saya penjelasan R1 ini munasabah.

[11] Bagi pertuduhan kelima R2 mendapati tiada salah laku oleh R1 kerana kontrak yang dimasuki adalah sah dan bayaran bulanan tersebut adalah dipersetujui dan kerja-kerja pembersihan ini tidak termasuk dalam skop kontrak dengan Sejuta lmpian Enterprise. Saya dapati tiada kecacatan dalam penemuan atau dapatan oleh R2 berkenaan dengan pertuduhan kelima ini.

KEPUTUSAN

[12] Berdasarkan alasan-alasan di atas saya tidak mendapati apa-apa kecacatan dalam dapatan atau penemuan yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan. Oleh yang demikian saya menolak permohonan semakan kehakiman ini dengan kos.

A *Permohonan semakan kehakiman ditolak dengan kos.*

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar

B

C

D

E

F

G

H

I